



WADAH

MEMPERTEGUH SYARIAT, MELESTARI ADAT



LIPUTAN UTAMA

MAJLIS BACAAN YASIN

TAHLIL, DOA DAN KHUTBAH JUMAAT
SEMPENA SAMBUTAN HARI GURU
PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-55



MAIPK PERKUKUH KERJASAMA
STRATEGIK BERSAMA PUSAT
KOREKSIONAL BATU GAJAH



TAKLIMAT MASJID LESTARI PUPUK
BUDAYA KELESTARIAN ALAM SEKITAR
DAN AMALAN KITAR SEMULA



MAIPK PERUNTUK LEBIH
RM9.6 JUTA BAGI PEMBANGUNAN
KEMAHIRAN ASNAF



MAIPK BANTU ASNAF
KEMBALI KE SEKOLAH



MAIPK BESTARI - Bantuan kini dihujung jari

MAIPK BESTARI memudahkan asnaf fakir dan miskin yang bermastautin di negeri Perak dan tertakluk kepada syarat kelayakan



<https://bestari.maipk.gov.my>

www.maipk.gov.my/



05-208 4000



@Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Sidang Redaksi

PENASIHAT

Syamsul Hazeman bin Md Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif

KETUA EDITOR

Muhammad Naquib bin Mohamd Tarmizi
Pengurus Unit Penyelidikan dan Adat Melayu

EDITOR

Norhidayu binti Sakdon
Pengurus Unit Komunikasi Strategik

Mohd Yakop bin Ikram
Penolong Pengurus Unit Komunikasi Strategik

PEREKA GRAFIK

Muhammad Fitri bin Abd Hamid
Penolong Pengurus Unit Komunikasi Strategik

JURUFOTO

Hamizul bin Othman
Pembantu Tadbir Unit Komunikasi Strategik

Nurul Farzana binti Ahmad Shah
Pembantu Tadbir Unit Komunikasi Strategik

Amirul Khalid bin Ahmad
Pembantu Tadbir Unit Sekretariat

EDARAN

Unit Komunikasi Strategik

Mei 2026/Bil.63

Wadah

DITERBITKAN OLEH:

*Unit Komunikasi Strategik
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Tingkat 6, Kompleks Islam Darul Ridzuan
30000 Ipoh, Perak.*

Tel:

05-2084000

Faks:

05-2414257

Laman web:

www.maipk.gov.my

Emel:

korporat@maipk.gov.my

Facebook:

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Tiktok:

MajlisAgamaIslamPerak

Isi Kandungan

Sidang Redaksi **2**

Semasa **3**

Keratan Akhbar **23**

*Penyaluran Dana Manfaat Wakaf
Saraan Negeri Perak* **27**

Majlis Bacaan Yasin, Tahlil, Doa dan
Khutbah Jumaat Sempena Sambutan

Hari Guru Peringkat Kebangsaan Kali Ke-55

IPOH, 15 Mei 2026 – Majlis Bacaan Yasin, Tahlil, Doa dan Khutbah Jumaat sempena Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan Kali Ke-55 Tahun 2026 telah berlangsung di Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak).

Program yang bermula seawal jam 10.20 pagi dimulakan dengan Program Motivasi Kerohanian Murid anjuran Jabatan Pendidikan yang disertai kira-kira 2,000 pelajar serta warga pendidik.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan bacaan surah Yasin, tahlil dan doa selamat yang dipimpin oleh Imam Besar Masjid Sultan Idris Shah II, Tuan Haji Abd Farid bin Haji Salleh. Majlis turut dihadiri oleh Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini serta Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, YBhg. Datuk Dr. Mohd Azam bin Ahmad.



Seterusnya, majlis diserikan dengan keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bagi menunaikan solat Jumaat. Keberangkatan baginda disambut oleh Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad.

Khutbah Jumaat bertajuk "Guru Berhikmah Membina Insan Sejahtera" telah disampaikan oleh Datuk Dr. Mohd Azam mewakili warga pendidik dan guru, manakala solat Jumaat dipimpin oleh Tuan Haji Abd Farid. Seusai solat Jumaat, Sultan Nazrin berkenan bersalaman dengan para jemaah sebelum berangkat meninggalkan majlis.



Perasmian Masjid Al-Muhajirin



DYMM Paduka Seri Sultan Perak Berkenan Merasmikan
Masjid Al-Muhajirin Kampung Ulu Chepor

CHEMOR, 26 Mei 2026 – DYMM Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah berkenan bercemer duli berangkat ke Majlis Perasmian Masjid Al-Muhajirin, Kg. Ulu Chepor, Chemor. Keberangkatan tiba baginda disambut oleh YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani bin Mohamad dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, YBhg. Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim. Turut hadir Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini.

Sejurus tiba, Sultan Nazrin berkenan menarik tirai sebagai simbolik perasmian masjid serta disusuli bacaan doa perasmian masjid. Baginda kemudian berkenan menyertai takbir raya Aidiladha serta menunaikan solat Isyak berjemaah. Baginda berkenan berangkat meninggalkan majlis kira-kira pukul 9.15 malam selepas sesi bergambar bersama ahli jawatankuasa masjid.

Masjid Al-Muhajirin dibina pada tahun 2018 dan telah mula digunakan pada tahun 2025. Pembinaan masjid ini di atas tanah seluas 1.9 hektar dengan kos berjumlah RM6 juta serta mampu menampung sehingga 1,200 jemaah pada satu-satu masa. Masjid Al-Muhajirin turut mengamalkan konsep lestari dengan pelbagai jenis tanaman pokok seperti kelapa, matoa dan serai di persekitaran masjid.





Belia Diberi Penghormatan Menyampaikan

Khutbah Jumaat Sempena Sambutan Hari Belia Negara



IPOH, 8 Mei 2026 – Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah memperkenankan golongan belia diberi penghormatan membaca khutbah Jumaat di masjid dan surau diri Jumaat sebagai simbol pengiktirafan terhadap peranan dan potensi golongan belia dalam memartabatkan syiar Islam.

Seorang belia berusia 18 tahun, Muhammad Azamuddin bin Ahmad Syahrul Herman, telah diberi penghormatan menyampaikan khutbah Jumaat di Masjid Sultan Idris Shah II. Beliau yang mewakili pertubuhan belia ABIM merupakan antara 94 belia yang telah diperkenan oleh Sultan Perak untuk menyampaikan khutbah Jumaat sempena sambutan Hari Belia Negara di Negeri Perak.

Turut hadir menunaikan solat Jumaat di Masjid Sultan Idris Shah II ialah Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, Tan Sri Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini bersama para jemaah.

Penglibatan belia dalam aktiviti keagamaan seperti penyampaian khutbah diharap dapat melahirkan generasi belia berkeyakinan dan menyuntik semangat kepada lebih ramai anak muda untuk mendekati masjid serta aktif dan menjadi pelapis kepimpinan ummah pada masa hadapan.



MAIPk Perkukuh

Kerjasama Strategik Bersama Pusat Koreksional Batu Gajah

BATU GAJAH, 7 Mei 2026 – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) diketuai oleh Yang Dipertua MAIPk, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini. Turut hadir Pengarah Penjara Negeri Perak, TKP Fayrouz bin Haji Ahmad Zawawi serta Pengarah Pusat Koreksional Batu Gajah, PKP S. Tanabal A/L Socklingam.

Perbincangan ini bertujuan memperkukuh kerjasama strategik dalam aspek pembangunan sahsiah, pendidikan serta pemerkasaan insan. Delegasi turut dibawa melawat fasiliti kulineri dan Akademi Az-Zahrah bagi meninjau pelaksanaan program pembangunan kemahiran dan pendidikan yang dijalankan.



Program Induksi Anggota Majlis Penggal 2026-2027

TAIPING, 7 Mei 2026 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak telah mengadakan Program Induksi kepada Anggota MAJLIS penggal 2026-2027 di Hotel Seri Warisan, Taiping. Program ini dihadiri oleh beberapa Anggota MAJLIS serta slot taklimat disampaikan oleh pengurusan tertinggi MAIPK.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak telah memperkenankan pengurniaan watakah pelantikan Anggota MAJLIS bagi penggal 2026-2027 berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2027.

Objektif program induksi ini diadakan kepada Anggota MAJLIS adalah untuk memberi pendedahan menyeluruh mengenai bidang kuasa, fungsi dan tanggungjawab MAIPK. Selain itu, program ini turut bertujuan menjelaskan peranan Anggota MAJLIS dalam proses perancangan dan pelaksanaan sesuatu aktiviti serta sebagai pembuat keputusan.



Taklimat Bidang Kuasa, Fungsi dan Obligasi

Jawatankuasa Baitulmal Daerah



TAIPING, 7 Mei 2026 – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Taklimat Bidang Kuasa, Fungsi dan Obligasi Jawatankuasa Baitulmal Daerah (JKBD) di Hotel Seri Warisan, Taiping telah dihadiri oleh Orang Besar Jajahan dan Pegawai Daerah Negeri Perak.

Program dimulakan dengan ucapan aluan oleh Ketua Pegawai Operasi MAIPk, Puan Wan Maizura binti Wan Zahari, disusuli dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat MAIPk, Encik Suhaimi bin Yusoff.

Taklimat ini bertujuan memberikan pendedahan yang menyeluruh berkaitan bidang kuasa, fungsi serta obligasi JKBD dalam memastikan tadbir urus agihan zakat dapat dilaksanakan secara lebih cekap dan sistematik.

Selain itu, program ini juga turut menjadi platform bagi memperkukuh peranan JKBD dalam memperkasa pengagihan zakat di Negeri Perak agar manfaatnya dapat disampaikan secara lebih menyeluruh kepada golongan yang memerlukan.



Kelestarian Alam Sekitar dan Amalan Kitar Semula

Taklimat Masjid Lestari : Kelestarian Alam Sekitar dan Amalan Kitar Semula (3R) serta Cadangan Pelaksanaan Program telah diadakan di Masjid Nurul Hidayah, Manjung dan Masjid Jamek Pekan, Tanjong Piandang, Parit Buntar. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh YBrs. Puan Habibah binti Yaakob, Ahli Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) merangkap Duta Kitar Semula MAIPK.

Taklimat ini bertujuan memberi pendedahan serta meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menjaga kelestarian alam sekitar melalui amalan kitar semula, di samping memperkenalkan inisiatif program "plogging" yang menggabungkan aktiviti riadah seperti berjoging dan berjalan sambil mengutip sampah di kawasan sekitar.

Melalui penganjuran program ini, para peserta diharap memupuk budaya kelestarian alam sekitar dan amalan kitar semula dan dijadikan amalan berterusan dalam komuniti masjid. Inisiatif ini mampu melahirkan masyarakat yang lebih prihatin terhadap kebersihan, penjagaan alam sekitar serta kesejahteraan generasi akan datang.



Masjid Nurul Hidayah, (Masjid Daerah Manjung), 12 Mei 2026

Taklimat Masjid Lestari telah disempurnakan oleh YDH Toh Seri Bijaya, Lt. Kol. Dato' Haji Shaharudin bin Haji Nazari (B), Orang Besar Jajahan Manjung disertai 40 orang peserta yang terdiri daripada pengerusi masjid.



Taklimat Masjid Lestari Pupuk Budaya

Kelestarian Alam Sekitar dan Amalan Kitar Semula



Masjid Jamek Pekan Tanjong Piandang, Parit Buntar, 16 Mei 2026

Program dianjurkan oleh Masjid Jamek Pekan Tanjong Piandang di bawah pimpinan Pengerusinya, Ustaz Muhammad Nur Fadhullah bin Ab. Rahman disertai seramai 150 peserta dengan penyertaan wakil-wakil surau kariah, Kawasan Rukun Tetangga Tanjong Piandang, pelajar Sekolah Menengah Agama Shamsul Maarif Al-Watiah serta wakil Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Lope.





MAIPk Peruntuk Lebih

RM9.6 Juta Pembangunan Kemahiran Asnaf



IPOH, 25 Mei 2026 – Alhamdulillah, telah berlangsung dengan jayanya Majlis Menandatangani Perjanjian Penyedia Latihan Program Latihan Kemahiran Asnaf Tahun 2026 anjuran Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) yang disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Tuan Syamsul Hazeman bin Md Salleh.

Majlis ini menjadi simbol komitmen serta kerjasama strategik antara MAIPk dan penyedia latihan dalam memperkasa pembangunan modal insan asnaf melalui pendidikan dan latihan kemahiran yang berkualiti, berdaya saing serta selaras dengan keperluan industri semasa.

Sesi menandatangani perjanjian melibatkan tiga penyedia latihan iaitu SRC Resources Sdn. Bhd., Kulim Advanced Technologies Sdn. Bhd. dan Akademi Binaan Malaysia Wilayah Utara. Selain itu, majlis turut menyampaikan surat lantikan kepada sepuluh (10) penyedia latihan iaitu Vocational Education Training Academy, IJN University College, UCSI Hospital, UOA Academy, Vision University College, NIATS Oil, Gas and Marine Academy, AMKTC Academy, Haaza Centre Of Excellence, High Skill Technology Sdn. Bhd. (HiSTEC) dan Kolej Teknikal Sri Ayu.

Jumlah keseluruhan lantikan bagi Program Latihan Kemahiran Asnaf Tahun 2026 adalah sebanyak RM9,606,707.00 dengan sasaran penyertaan seramai 919 peserta. Semoga kerjasama ini dapat membuka lebih banyak peluang kepada golongan asnaf untuk meningkatkan kemahiran, menjana pendapatan serta membina masa depan yang lebih baik, mampan dan sejahtera.

"MENCIPTA PELUANG, MEMBINA KEHIDUPAN"



Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk Terima

Kunjungan Hormat Ummet Vakfi



IPOH, 12 Mei 2026 – Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk), Tuan Syamsul Hazeman bin Md Salleh telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Ummet Vakfi di Kompleks Islam Darul Ridzuan.

Perbincangan tersebut memberi fokus kepada usaha memperkukuh kerjasama kemanusiaan antarabangsa khususnya melibatkan pembangunan dan bantuan di Palestin merangkumi Al-Quds, Gaza dan Tebing Barat selain Syria serta Sudan.

Semoga pertemuan ini menjadi platform memperkukuh jaringan kerjasama strategik dalam memperluas manfaat kemanusiaan demi kesejahteraan ummah di peringkat global.

MAIPk Memperluas

Mesyuarat Pengurusan Ke Setiap Zon Daerah Negeri Perak



IPOH, 12 Mei 2026 – Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk), Tuan Syamsul Hazeman bin Md Salleh telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Ummet Vakfi di Kompleks Islam Darul Ridzuan.

Perbincangan tersebut memberi fokus kepada usaha memperkukuh kerjasama kemanusiaan antarabangsa khususnya melibatkan pembangunan dan bantuan di Palestin merangkumi Al-Quds, Gaza dan Tebing Barat selain Syria serta Sudan.

Semoga pertemuan ini menjadi platform memperkukuh jaringan kerjasama strategik dalam memperluas manfaat kemanusiaan demi kesejahteraan ummah di peringkat global.

Program Mesra

Hari Bertemu Pelanggan

Perkukuh Hubungan MAIPk dan Komuniti



KERIAN, 4 Mei 2026 – Program Mesra Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Perak Siri 3/2026 telah berlangsung di Kompleks Pentadbiran Daerah Kerian. Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) turut mengambil bahagian secara aktif dalam program ini melalui kehadiran Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Strategik, Sekretariat dan Adat Melayu, Encik Munawir bin Mohamed Noh, Pengurus Besar MAIPk Zon Utara, Encik Mohd Saufi bin Ibrahim dan Pengurus Cawangan MAIPk Parit Buntar, Encik Muhammad Isyraf Danial bin Mazlan.

Kehadiran MAIPk di Program Mesra Hari Bertemu Pelanggan mencerminkan komitmen berterusan MAIPk dalam menyantuni pelanggan serta mendengar sendiri pandangan, aduan serta cadangan yang dikemukakan oleh masyarakat setempat. Program seumpama ini bukan sahaja membuka ruang komunikasi dua hala yang lebih berkesan, malah memperkukuh kepercayaan masyarakat terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh MAIPk.



MAIPk Bantu Asnaf Kembali Ke Sekolah



IPOH, 8 Mei 2026 – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Hilir Perak telah mengambil tindakan segera membantu sebuah keluarga di Kampung Parit 8, Jalan Besar Chikus susulan laporan akhbar Utusan Malaysia bertajuk “Kerana miskin, 3 beradik tak bersekolah” yang disiarkan pada 7 Mei 2026.

Pengurus Besar MAIPk Zon Barat, Mohd Latiff bin Talib bersama PPD Hilir Perak, Shamsuddin bin Tajul Urus dan Guru Besar Sk Chikus, Azni binti Abdul telah mengambil pendekatan untuk melakukan kunjungan kediaman keluarga Norhayati binti Yusof bagi menyantuni dan mendalami permasalahan yang dilalui.

Norhayati mengalami masalah kesihatan yang membuatkan beliau tidak mampu bekerja. Keadaan tersebut memberi kesan terhadap kebajikan dan pendidikan anak-anak sehingga menyebabkan mereka tercicir daripada persekolahan.

Norhayati menerima Bantuan Kewangan Bulanan daripada MAIPk sejak tahun 2018 sebanyak RM400 serta bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak RM600 sebulan bagi membantu meringankan beban kehidupan harian keluarga ini.

Hasil perbincangan antara pihak MAIPk dan PPD Hilir Perak, tiga beradik tersebut akan kembali meneruskan persekolahan mulai 11 Mei 2026 iaitu anak sulung berusia 15 tahun akan ditempatkan di SMK Sungai Manik, manakala anak kedua dan ketiga yang masing-masing berusia 12 tahun dan 9 tahun akan bersekolah di SK Chikus.

Sebagai bantuan awal, MAIPk menyalurkan bantuan segera sebanyak RM1,000 bagi tujuan pembelian pakaian serta peralatan persekolahan. Penyaluran bantuan tersebut dibuat melalui pihak sekolah bagi memastikan segala persiapan anak-anak berkenaan dapat diuruskan dengan lancar dan segera.

MAIPk komited untuk terus memastikan kebajikan golongan memerlukan sentiasa terbela, khususnya dalam aspek pendidikan anak-anak asnaf agar mereka tidak tercicir daripada arus pendidikan negara.

Salur Bantuan Perubatan

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) terus komited dan prihatin dalam membantu golongan yang memerlukan melalui penyaluran bantuan perubatan kepada penerima yang layak bagi meringankan beban kos rawatan dan keperluan harian mereka. Semoga bantuan yang disalurkan dapat memberikan sedikit kelegaan kepada penerima dan keluarga serta dipermudah segala urusan rawatan dan dikurniakan kesembuhan oleh Allah SWT. Terima kasih kepada pembayar zakat MAIPk. Dengan duit zakat anda dapat membantu ribuan asnaf yang memerlukan bantuan perubatan.

ZON TENGAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) terus komited dan prihatin dalam membantu golongan yang memerlukan melalui penyaluran bantuan perubatan kepada penerima yang layak bagi meringankan beban kos rawatan dan keperluan harian mereka. Semoga bantuan yang disalurkan dapat memberikan sedikit kelegaan kepada penerima dan keluarga serta dipermudah segala urusan rawatan dan dikurniakan kesembuhan oleh Allah SWT. Terima kasih kepada pembayar zakat MAIPk. Dengan duit zakat anda dapat membantu ribuan asnaf yang memerlukan bantuan perubatan.



ZON UTARA

PARIT BUNTAR, 25 Mei 2026 - Pengurus MAIPk Cawangan Parit Buntar, Muhammad Isyraf Danial bin Mazlan menyampaikan bantuan perubatan kepada empat orang penerima di sekitar Parit Buntar. Sebanyak RM12,202.00 telah diperuntukkan bagi penyediaan ubat-ubatan serta keperluan perubatan antaranya katil pesakit, lampin pakai buang, susu pemakanan khas dan tisu basah.



MAIPK Santuni Asnaf dan

Salur Bantuan Perubatan



ZON SELATAN

MUALLIM, 26 Mei 2026 – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) terus komited dalam menyantuni golongan asnaf melalui Skim Bantuan Perubatan. Pengurus MAIPk Cawangan Muallim, Encik Mohd Rosmini bin Mohd Rosli turun padang menyantuni dan menyampaikan bantuan kepada beberapa penerima di daerah Muallim.

Antara penerima bantuan ialah Encik Mohamed Noor bin Itam, 97, yang menetap di Kampung Piong. Beliau kini terlanter akibat faktor usia menerima bekalan lampin pakai buang, minuman nutrisi Nova Activmax serta lain-lain keperluan penjagaan berjumlah RM4,569.60.

Sementara itu, adik Daris Aish Mifzal bin Mohd Rashidee, 11, dari Felda Sungai Behrang yang menghidap Central Hypotonia Global Delay dan Cerebral Atrophy menerima bantuan bernilai RM3,402.00. Bantuan yang disalurkan merangkumi bekalan susu formula khas, nestum dan lampin pakai buang bagi tempoh enam bulan.

Selain itu, Puan Maimon binti Yaacob, 70, menetap di Kuarters Hospital Slim River telah menghidap diabetes kronik. Beliau menerima bantuan berbentuk bekalan lampin pakai buang, susu Nutrixgold dan tisu basah Proskin berjumlah RM5,389.20.

Turut menerima bantuan ialah Puan Nor Emah binti Md Ali, 71, dari Kampung Kurnia yang menghidap kanser usus telah menerima bantuan bernilai RM13,805.60. Bantuan tersebut merangkumi bekalan susu Ensure Gold, lampin pakai buang serta pelbagai keperluan penjagaan lain bagi tempoh enam bulan.

MAIPk sentiasa komited memastikan kebajikan golongan asnaf terus diberi perhatian. Diharapkan bantuan yang disalurkan ini dapat meringankan beban penerima dan keluarga, sekali gus membantu meningkatkan kualiti hidup mereka sepanjang menjalani rawatan kesihatan.



MAIPk Santuni Asnaf dan

Salur Bantuan Perubatan



ZON TIMUR

GERIK, 14 Mei 2026 - Pengurus MAIPk Cawangan Gerik, Shamsul Anuar bin Zakaria menyantuni dan menyampaikan bantuan kepada empat penerima yang meliputi bantuan lampin pakai buang, susu pemakanan khas, tisu basah, alas tilam pesakit serta bantuan kecemasan segera melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak RM20,196.00.



KUALA KANGSAR, 29 Mei 2026 - Pengurus Besar MAIPk Zon Timur, Encik Zul-Azri bin Hosaini menyalurkan bantuan kepada penerima di sekitar Kuala Kangsar dengan jumlah keseluruhan agihan sebanyak RM39,806.00. Bantuan yang disalurkan merangkumi keperluan perubatan seperti lampin pakai buang, susu khas pemakanan, katil hospital, kerusi roda, ubat-ubatan, peralatan perubatan serta tiub pemakanan bagi membantu meringankan beban penerima dan keluarga yang menjaga pesakit terlanter, warga emas uzur, pesakit kanser, individu kurang upaya serta pesakit kronik bagi tempoh sehingga enam bulan.



Salur Bantuan Perubatan



ZON SELATAN

TAPAH, 31 Mei 2026 - Pengurus Besar MAIPk Zon Selatan, Encik Wan Abdul Halim Hafiidz bin Mohd Amin menyerahkan bantuan berjumlah RM25,350.00 kepada dua penerima. Penerima pertama Encik Abdul Rahim Abdullah Chan yang kini sakit terlantar menerima bantuan bulanan dan bantuan perubatan seperti lampin pakai buang dewasa, kerusi roda dan kerusi mandi mudah alih. Sementara itu, MAIPk turut membantu bayi Ryana Syifa yang diuji dengan kelahiran pra-matang yang memerlukan ubat vaksin jenis Palivizumab. MAIPk tampil membantu kos ubatan agar Ryana dapat menjalani rawatan dengan baik dan sempurna.



Ziarah Asnaf

Bersama NGO Sahabat Pejuang Kanser



IPOH, 28 Mei 2026 - Bahagian Agihan Zakat, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah mengadakan ziarah asnaf di sekitar Manjoi dan Simpang Pulai bersama salah satu rakan kerjasama strategik NGO yang berdaftar dengan MAIPK.

Ziarah ini diadakan bagi menyantuni asnaf yang menghidap kanser, di samping meneliti keperluan serta kaedah terbaik dalam menyalurkan bantuan secara lebih komprehensif dan berkesan.

Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat MAIPK, Encik Suhaimi bin Yusoff turut meluangkan masa mengadakan lawatan ke pejabat urusan NGO Sahabat Pejuang Kanser di Bandar Seri Botani. Dalam lawatan tersebut, taklimat ringkas berkaitan gerak kerja persatuan telah disampaikan oleh Pengerusi Persatuan Sahabat Pejuang Kanser, Puan Roshila binti Mohd Rozlan.

Semoga jalinan kerjasama ini dapat terus memperkasa usaha agihan zakat serta memberi manfaat yang lebih menyeluruh kepada para pesakit kanser yang sedang berjuang meneruskan kehidupan.





Bantuan Pembangunan Islam



ZON SELATAN

TAPAH, 12 Mei 2026 – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) Cawangan Tapah telah menyerahkan sumbangan berjumlah RMT0 ribu kepada SMK (Felda) Besout, Sungkai dan SK Sri Kinjang, Chenderiang dalam satu majlis ringkas tetapi penuh bermakna.

Penyerahan sumbangan tersebut telah disempurnakan oleh Pengurus Besar MAIPk Zon Selatan, Encik Wan Abdul Halim Hafidz bin Mohd. Amin dan diterima oleh wakil sekolah masing-masing selaku penerima sumbangan.

Sumbangan ini diberikan bagi menyokong pembelajaran dan pengajaran pendidikan Islam yang kondusif dan terbaik di sekolah, sekali gus memberi manfaat kepada warga sekolah. Sumbangan ini juga dapat membantu pihak sekolah melaksanakan usaha penambahbaikan prasarana yang terbaik untuk para pelajar muslim.



MAIPk Meninjau Cadangan Penubuhan

Bengkel Songkok Penjara Tapah

TAPAH, 14 Mei 2026 – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) melalui Bahagian Pemerkasaan Asnaf telah mengadakan lawatan tapak ke Penjara Tapah bagi meninjau cadangan penubuhan Bengkel Songkok sebagai inisiatif pembangunan kemahiran dan pemerkasaan penghuni institusi.



Delegasi MAIPk diketuai oleh Pengurus Besar Bahagian Pemerkasaan Asnaf, Encik Amirudin bin Osman bertujuan menilai kesesuaian lokasi, kemudahan sedia ada serta potensi pelaksanaan projek yang mampu memberi nilai tambah kepada program latihan kemahiran penghuni Penjara Tapah.



Sesi lawatan turut melibatkan taklimat ringkas serta tinjauan ke cadangan tapak Bengkel Songkok di Bengkel Tekat Wanita bagi melihat keperluan pelaksanaan dan ruang kerjasama strategik antara kedua-dua pihak.



Inisiatif ini diharapkan dapat membuka lebih banyak peluang pembangunan kemahiran, meningkatkan potensi penjana pendapatan serta menyokong usaha pemulihan dan pembangunan sahsiah penghuni institusi secara lebih holistik dan berimpak.





Perbincangan MAIPk dan MAIS

Memfokuskan Pengurusan Wasiat

SHAH ALAM, 5 Mei 2026 – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan sesi perbincangan strategik bersama Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melibatkan pengurusan wasiat dan pentadbiran Baitulmal.

Pertemuan tersebut diketuai oleh Pengurus Besar Bahagian Baitulmal, Tuan Haji Ahamad Muzammil bin Arbain dan disambut oleh Pengarah Baitulmal MAIS, Tuan Haji Indera Shahril bin Mohd Shahid, bersama barisan pegawai Sektor Baitulmal MAIS.

Perbincangan ini memfokuskan aspek pengurusan wasiat yang melibatkan Bahagian Baitulmal, khususnya dalam usaha memperkemas tatacara pentadbiran, memastikan pematuhan terhadap peruntukan undang-undang serta memperkukuh jaringan kerjasama strategik antara kedua-dua institusi Majlis Agama Islam Negeri.

Melalui sesi perkongsian ini, kedua-dua pihak turut bertukar pandangan dan pengalaman berkaitan amalan terbaik pengurusan wasiat bagi mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat secara lebih sistematik, telus dan berkesan.





24

Sinar Nasional

JUMAAT 8 MEI 2026 | SINAR HARIAN

Sultan Nazrin berkenan belia baca khutbah Jumaat



SULTAN NAZRIN

Seramai 94 pemimpin belia Perak baca khutbah sempena Hari Belia Negara di seluruh negeri

Oleh NORMAWATI ADNAN

IPOH - Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah memperkenalkan

golongan belia diberi penghormatan membaca khutbah Jumaat di masjid seluruh negeri pada Jumaat.

Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK), Tan Sri Mohd Annuar Zaini berkata, khutbah bertajuk 'Belia: Tenaga Penggerak Kemajuan Negara' itu bersempena sambutan Hari Belia Negara yang akan disambut pada 15 Mei ini.

"Jabatan Belia dan Sukan Negeri

Perak telah mengemukakan 94 nama pemimpin belia yang diperkenankan oleh Sultan Perak untuk membaca khutbah di masjid dan surau diri Jumaat pada 8 Mei ini," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Pembaca khutbah terdiri daripada pemimpin pelbagai pertubuhan belia di Perak antaranya Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Majlis Belia Daerah, Gerakan Belia 4B, Kelab

Rakan Muda, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), persatuan mahasiswa dan kelab belia masjid.

Antara pembaca khutbah ialah Muhammad Azamuddin Ahmad Syahul Herman di Masjid Sultan Idris Shah II, Muhammad Abidin Shakir Azuddin di Masjid Muhibbuddin Shah dan Mohamad Haikal Sopian di Masjid Sultan Azlan Shah yang masing-masing daripada ABIM.

24

Sinar Nasional

JUMAAT 15 MEI 2026 | SINAR HARIAN

Sultan Perak berkenan 625 warga pendidik baca khutbah Jumaat



SULTAN NAZRIN

IPOH - Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah memberi perkenan kepada 625 warga pendidik dan guru menyampaikan khutbah Jumaat sempena sambutan Hari Guru, hari ini.

Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK), Tan Sri Mohd Annuar Zaini berkata, khutbah bertemakan 'Guru Berhikmah Membina Insan Sejahtera' sebagai menghargai peranan dan sumbang-an golongan pendidik kepada rakyat serta negara.

"Jabatan Pendidikan Negeri Perak mengemukakan nama warga pendidik dan guru

dan mendapat perkenan menaikimbar membaca khutbah di 625 masjid dan surau di seluruh negeri pada Jumaat," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, antara tokoh pendidikan diberi penghormatan termasuk Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Dr Mohd Azam Ahmad yang akan mengetuai warga pendidik menyampaikan khutbah di Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri).

Selain itu katanya, Pengarah Bahagian Pendidikan Islam (BPI) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Omar Salleh menjadi khatib di Masjid Sultan Azlan Shah,

Ipoh dan Guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Merchu, Samad Hassan menyampaikan khutbah di Masjid Uludiah Kuala Kangsar.

Tambah beliau, program pengimarah-an masjid turut diadakan di Masjid Negeri melibatkan kira-kira 2,000 pelajar dan warga pendidik dengan pengisian seperti program motivasi kerohanian, bacaan surah Yasin, tahlii dan doa selamat.

"Sultan Nazrin turut berkenan berangkat menunaikan solat Jumaat bersama pelajar dan warga pendidik di masjid sama pada hari berkenaan," katanya.

24

Keratan Akhbar

28 KOMUNITI KITAI

KOSMO! KHAMIS 14 MEI 2026



TENGAH: Seramai 60 usahawan Program Pemerkasaan Ekonomi Islam dan Adat Melayu Perak bergambar pada majlis penutup dan penyampian hadiah Seminar Hijrah Minda Asnaf di Hotel Seri Warisan, Talping, Perak, baru-baru ini.

28 Utusan Malaysia
RABU • 6 MEI 2026



80 penerima biasiswa pelajaran serti HiAsMeGa 2026

MAJLIS Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) menganjurkan Program Hijrah Asnaf ke Menara Gading (HiAsMeGa) yang dilaksanakan selama tiga hari di Universiti Teknologi Petronas (UTP), Tronoh, Perak.

Ia bertujuan memberi pendedahan awal kehidupan di kampus bagi membina jati diri, minda dan kerohanian menuju

alam mahasiswa di menara gading.

Para peserta terdiri daripada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2025 itu didedahkan dengan elemen pembinaan sahsiah, kerohanian, keyakinan diri dan kemahiran komunikasi termasuk pendedahan akademik serta hala tuju selepas SPM.

Majlis penutup dan penyampian sijil disempurnakan oleh Ketua

Pegawai Operasi MAIPK, Wan Malzura Wan Zahari.

MAIPK komited dalam pembangunan pendidikan pelajar asnaf di Perak dan berharap para peserta dapat mengubah taraf ekonomi keluarga pada masa depan.

■ PARA lepasan SPM 2025 yang mengikuti HiAsMeGa selama tiga hari di UTP, Tronoh, Perak.

Remaja 18 tahun baca khutbah Jumaat

Sultan Perak berkenan 94 khatib muda sempena sambutan Hari Bella Negara

Oleh SAIFULLAH AHMAD

IPOH Peluang menyampaikan khutbah Jumaat disediakan sebagai satu pengiktirafan berbalik kepada golongan belia terapan dalam usaha mengimarahkan masjid serta melahirkan generasi muda berilmu dan beribadah.

Menurut pegawai Madrasah al-Hikmah, Muhammad Azamuddin Ahmad Syahri Herman, 18, pengalasan pertama menyampaikan khutbah bertajuk 'Bella: Tenaga Penggerak Kemajuan Negeri' menyedukannya berasa sedikit gemetar.

Igaimanapun, menurut khatib muda itu, kesempatan diberikan membuka ruang kepada anak muda untuk lebih mendalami bidang agama dan institusi masjid.

"Apabila saya sebagai belia diberi peluang menyampaikan khutbah, itu peluang sangat baik untuk seorang pemuda mencuba bidang agama khususnya."

"Saya tahu ulama ada menyempit hidup seorang pemuda itu dengan ilmu dan ketakwaan," katanya ketika ditemui di Masjid Sultan Idris Shah II (Majlis Negeri) di sini pada Jumaat.



Muhammad Azamuddin sebagai khatib menyampaikan khutbah di Masjid Negeri di Ipoh pada Jumaat.

Muhammad Azamuddin berkata, dia memutuskan persengaja sebelum menyampaikan khutbah termasuk mengagihkan buku-buku agama kepada jemaah semasa berkhutbah. Beliau juga memotong video penyampaian khutbah imam lain bagi memastikan penyampaian lancar.

Katanya, selain memegang jawatan ketua Urus sekolah, Muhammad Azamuddin aktif dalam program usrah dan majlis rasmi sekolah.

"Kami melihat potensi yang ada padanya baik bahasa. Terbaharu beliau dinobatkan sebagai Johan Kitab Turath peringkat negeri dengan markah 90 peratus."

"Kita doakan beliau menjadi pewaris ulama dan kepimpinan di Perak," katanya.

Muhammad Azamuddin antara 94 belia diperkenan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muazzam Shah untuk membaca khutbah Jumaat di masjid seluruh negeri sempena sambutan Hari Bella Negara.

Tiga beradik miskin ke sekolah Isnin ini

Oleh SAYED HESAMUDIN

hsamudin@necorad.com.my

IPOH Tiga beradik di Kampung Parit 8, Jalan Besar Chikus, Paik Salak di sini, yang tidak bersekolah kerana faktor kemiskinan yang diiktirafkan Utusan Malaysia hari-besok ini akan mula bersekolah Isnin ini.

Nurul Adwiyah Zaharon, 12, dan Mohammad Adam Zaharon, 9, tidak pernah bersekolah manakala Muhammad Saifuan Azhar, 15, bersekolah setakat tingkatan 1 sahaja.

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPD) berkata, khususnya tiga beradik itu kembali ke sekolah dicapai selepas perancangan antara MAIPD dan Pejabat Pendidikan Daerah Hilir Perak.

"Tiga beradik tersebut akan kembali meneruskan persekolahan mulai 11 Mei ini dengan wang bulanan RM100, manakala dua lagi masing-masing berusia 12 tahun dan 14 tahun akan bersekolah di UK Chikus," katanya kepada Utusan Malaysia semalam.

MAIPD dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Hilir Perak, mengambil tindakan segera membantu keluarga tersebut yang diiktirafkan dalam Utusan Malaysia Khemali.

Katanya, Pengurus Besar MAIPD Zin Bara, Mohd Latiff Baki bersama PPD Hilir Perak, Shamsuddin Tajul Uru dan Guru Besar SK Chikus, Anni Adil mengambil pendekatan untuk melibatkan keluarga tersebut.



WAKIL MAIPD dan PPD Hilir Perak melawat keluarga tiga beradik yang tidak bersekolah di Paik Salak.

"Ini kanak-kanak tersebut Noorhayati Yusoff mengalami masalah kemiskinan yang menyumbangkan dia tidak mampu bekerja."

"Keadaan tersebut memberi kesan terhadap kebajikan dan pendidikan anak-anaknya sehingga menyebabkan mereka terpaksa daripada persekolahan."

"Noorhayati menerima bantuan Kewangan Bulanan daripada MAIPD sejak tahun 2016 sebanyak RM400 dan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak RM500 sebulan bagi membantu menampung beban kehidupan harian keluarga ini," katanya.

Sebagai bantuan awal, MAIPD menyerahkan bantuan segera sebanyak RM1000 bagi tujuan pembelian pakaian dan peralatan persekolahan.

Penyediaan bantuan tersebut dibuat melalui pihak sekolah bagi memastikan segala keperluan anak-anak berkenaan dapat diuruskan dengan lancar dan segera.

"MAIPD komited memastikan kebajikan golongan memerlukan sentiasa terdapat, khususnya dalam aspek pendidikan anak-anak agar mereka tidak terceder daripada arus pendidikan negara," katanya.

Kerana miskin, 3 beradik tak sekolah

Oleh AIN SAFRE BIDIN

utsannews@meekmedia.com.my

PASIR SALAK Tiga beradik masing-masing berusia sembilan, 12 dan 15 tahun di Kampung Parit 8, Jalan Besar Chikus dekat sini tidak bersekolah kerana faktor kemiskinan.

Ibu kepada tiga beradik itu, Noorhayati Yusop, 44, berkata, anaknya Nurul Adwiyah Zaharon, 12, dan Mohammad Adam Zaharon, 9, tidak pernah bersekolah manakala Mohammad Saifuan Azhar, 15, bersekolah setakat tingkatan 1 sahaja.

Menurutnya, dia tidak mampu menyara persekolahan anaknya apatah lagi selepas suaminya masuk penjara Januari lalu.

"Kami hidup dengan bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Baitulmal. Wang berkenaan untuk



NORHAYATI Yusop bersama tiga anaknya yang tidak bersekolah ketika ditemui di Chikus dekat Pasir Salak. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

beli barang dapur dan lain-lain keperluan anak-anak serta sewa rumah RM150," katanya kepada

Utusan Malaysia.

Menurutnya, dia sedar pendidikan untuk anak-anak san-

gat penting, tetapi keadaan hidup yang serba kekurangan membuatkan tidak mampu menghantar anak-anak ke sekolah seperti anak-anak orang lain.

Katanya, jika ada pihak yang mampu membantu, dia bersedia untuk anak-anaknya bersekolah semula.

"Sudah puas mencari kerja untuk menyara menaja anak-anak tapi tidak dapat. Tidak kisah cukup pinggan atau pembantu kedai tapi tidak ada orang sudi terima saya," katanya.

Noorhayati berharap anak-anaknya dapat kembali ke sekolah kerana mahu mereka berjaya seperti orang lain dan harap ada pihak sudi membantu menyelesaikan masalah persekolahan anak-anaknya.

"Saya kasihan dan bimbang kan masa depan mereka. Saya

tidak sanggup lagi mendengar rintihan anak yang mahu ke sekolah. Mereka bosan tinggal di rumah. Mereka minta saya carikan sesuatu yang boleh bantu mereka bersekolah," katanya.

Sementara itu, Mohammad Saifuan Azhar berkata, dia mahu bersekolah tetapi ibunya memberitahu tiada wang.

"Saya mahu sekolah lagi, saya mahu masuk universiti untuk bantu keluarga," katanya.

Nurul Adwiyah pula berkata, sepatutnya dia berada di tahun 6 tahun ini, namun kekurangan hidup yang dihadapi keluarga menyebabkan hajat itu tidak kesampaian seperti kawan-kawan lain yang bersekolah.

"Saya harap dapat bersekolah kerana pendidikan sangat penting," katanya.



مجلس أئمة الإسلام
دان عادات ملايو فيراق

PENYALURAN DANA MANFAAT WAKAF SARAAN NEGERI PERAK



MAC - APRIL

TAHUN
2026

Dana Manfaat Wakaf Saraan Negeri Perak yang telah disalurkan pada bulan Mac hingga April 2026.

01



 **MASJID**

91
penerima

 **RM 271,165.04**

02



 **SURAU**

57
penerima

 **RM 206,352.00**

03



 **SEKOLAH
AGAMA
RAKYAT**

23
penerima

 **RM 70,336.23**

04



 **KUBUR**

23
penerima

 **RM 34,257.57**



**JUMLAH
KESELURUHAN**



194
penerima



RM 582,110.84

“ Amanah ditunaikan, ummah diperkasakan. ”



Moh kome kita
berwakaf!

Imbas kod QR sekarang! →

Setiap wakaf anda,
manfaat berpanjangan
untuk generasi akan datang.




Ibadah



Manfaat



Berkelalan



www.maipk.gov.my



@Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

✦ Satu niat, Satu pemberian, Seribu keberkatan yang tak terhenti, Walau jasad telah pergi. ✦